

08 APR 1996

Pemuda-Chechnya (Bergambar)

PEMUDA UMNO CADANG M'SIA JADI ORANG TENGAH SELESAI PERGOLAKAN CHECHNYA

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO hari ini menyerahkan nota bantahan mengenai Chechnya kepada Kedutaan Rusia di sini, yang antara lain mencadangkan agar kerajaan Malaysia menjadi orang tengah dalam pergolakan di negara Balkan itu.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata, kedutaan Rusia di sini bersedia mempertimbangkan cadangan itu jika ia mendapat persetujuan kerajaan Malaysia.

"Kedutaan Rusia akan mempertimbangkan cadangan itu memandangkan kita belum lagi memperolehi persetujuan daripada kerajaan Malaysia. Buat masa ini mereka enggan mengulas lanjut tentang hasrat itu," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan nota bantahan kepada Kaunselor Rusia Iskandar Azizof di Kedutaan Rusia di sini hari ini.

Sehubungan itu Pemuda UMNO akan berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi dan menyampaikan cadangan itu untuk dipertimbangkan.

Abdul Rahim berkata, jika Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan itu, Kedutaan Rusia akan dimaklumkan secara rasmi mengenainya.

"Dalam cadangan itu kita akan nyatakan peranan Malaysia sebagai orang tengah antara Chechnya dan Rusia," katanya.

Mesyuarat Exco Pemuda UMNO esok akan turut membincangkan mengenai cadangan itu.

Sebelum menyerahkan nota bantahan itu, Abdul Rahim dan kira-kira 40 anggota Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan dan Majlis Belia Malaysia mengadakan demonstrasi secara aman di luar kedutaan itu dengan membawa sepanduk yang mengutuk keganasan Rusia di Chechnya.

Nota bantahan itu juga mengutuk tindakan ganas Rusia sehingga menyebabkan rakyat Chechnya menderita dan mendesak agar kestabilan serta keamanan di negara Balkan itu dipulihkan segera. -- BERNAMA

LES AFY AKD